Oleh itu, asas kepada penerokaan ilmu adalah melalui proses pendidikan. Dalam konteks Islam, pendidikan yang terbaik adalah bermatlamatkan untuk membentuk diri manusia agar memahami tanggungjawab sebagai hamba Allah dan pemimpin di atas muka bumi ini (Asmawati Suhid & Fathiyah Mohd Fakhrudin, 2012). Oleh yang demikian, sistem pendidikan yang baik dapat di simpulkan sebagai panduan untuk melahirkan manusia yang beriman dan beramal soleh. Konsep keimanan pula tidak akan sempurna tanpa mempunyai akidah yang utuh serta penghayatan agama yang baik dalam diri setiap manusia.

Dari sudut sistem pendidikan pula, dapat dirumuskan bahawa pendidikan yang berkualiti adalah hasil daripada kurikulum yang baik dan tersusun serta sesuai dengan peredaran zaman. Dalam konteks pembentukan watak dan pemikiran yang bersandarkan kepada nilai-nilai Islam, *wadah* yang paling tepat adalah melalui Pendidikan Islam (Baharom Mohamad et al., 2008). Oleh itu, kurikulum yang berkualiti dan berteraskan nilai-nilai Islam akan berperanan ke arah membentuk generasi yang seimbang. Manakala dari aspek proses pembangunan sumber daya manusia di sesebuah negara pula ianya adalah hasil daripada peranan pendidikan itu sendiri (Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary, 2010).

Di Politeknik Malaysia kurikulum yang disediakan meliputi aspek pendidikan teknikal dan MPU Pengajian Islam. Kedua-dua aspek ini diwujudkan bertujuan untuk melahirkan tenaga kerja separa profesional, berintegriti dan berakhlak dengan akhlak Islamiah. Malahan kedua-dua aspek ini di susun mengikut dasar pendidikan Negara yang berteraskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI) (Alias Mat Saad, 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kurikulum Politeknik dibangunkan bertujuan untuk menghasilkan tenaga kerja separa professional yang berkualiti bagi menampung keperluan semasa Negara. Selain itu, Pendidikan Politeknik juga bermatlamatkan untuk menjadi hab pendidikan dalam bidang kejuruteraan, perdagangan dan Hospitaliti yang berasaskan kepada graduan berketerampilan, berakhlak mulia dan bertanggungjawab (Alias Mat Saad, 2010). Manakala Kurikulum Pendidikan Islam pula berfungsi sebagai panduan untuk diamalkan dalam kehidupan seharian.

Kurikulum Pendidikan Islam yang diamalkan dalam sistem pendidikan negara telah disusun dengan sempurna bermula di awal persekolahan seperti dari darjah satu hingga ke Institut Pengajian Tinggi. Antara tujuan Pendidikan Islam ini adalah untuk mendidik jati diri seorang Muslim agar seiring dengan kehendak serta syariat Islam. Oleh itu, amat wajar pendedahan pendidikan yang meliputi pelbagai bidang seperti teknikal dan kejuruteraan, serta ditambah dengan Pendidikan Islam yang berteraskan pengetahuan agama, bermatlamatkan pengukuhan akidah, ibadah dan akhlak untuk di perkenalkan kepada pelajar. Penghayatan pelajar terhadap pendedahan ilmu yang terdiri daripada pelbagai bidang ini akan melahirkan pelajar yang seimbang dari aspek rohani dan jasmani (Azhar Yusuf, 2006; Ubaidillah Yusoff, 2002; Mohd. Maliki Ali, 1999).

Oleh itu, untuk mencapai perancangan strategik pendidikan negara melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (PPPM-PT) satu usaha yang berterusan melibatkan kurikulum yang seimbang wajar dilaksanakan dengan berpandukan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI). Selain pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) yang disediakan untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



pembangunan negara, Pendidikan Islam melalui *platform* kursus (MPU) Pengajian Islam adalah satu bentuk usaha bertepatan dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia di Politeknik.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) merupakan kursus yang perlu diambil dan wajib lulus oleh pelajar Politeknik Malaysia. Kursus ini terdiri daripada tiga jam pelaksanaan dalam seminggu proses pengajaran dan pembelajaran dengan nilai dua jam kredit yang wajib diikuti oleh pelajar semasa di semester dua pengajian diploma. Matlamat umum penawaran kursus ini adalah untuk melahirkan pelajar yang mempunyai penguasaan ilmu yang beracuankan Malaysia (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2016). Selain itu, kursus MPU yang ditawarkan kepada pelajar diploma Politeknik ini adalah terdiri daripada pelbagai kelompok iaitu kelompok (U1) penghayatan falsafah, nilai dan sejarah. Kelompok (U2) penguasaan kemahiran insaniah. Kelompok (U3) perluasan ilmu pengetahuan tentang Malaysia dan kelompok (U4) kemahiran pengurusan masyarakat yang bersifat praktikal seperti khidmat masyarakat dan kokurikulum.

Walau bagaimanapun, dalam kajian ini hanya memberi fokus kepada kelompok (U3) perluasan ilmu pengetahuan tentang Malaysia iaitu melalui kursus MPU Pengajian Islam. Kursus MPU Pengajian Islam ini telah di susun oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti. Kursus ini ditawarkan adalah bertujuan untuk melahirkan graduan yang mempunyai ilmu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pengetahuan, nilai-nilai mulia, tanggungjawab dalam masyarakat, kemahiran insaniah, perluasan ilmu berteraskan Malaysia dan berupaya dalam mengaplikasikan ilmu dalam kehidupan seharian (Ahmad Fakrudin Mohamed Yusoff, 2019). Disamping itu, antara objektif utama kursus MPU Pengajian Islam ialah memastikan pelajar dapat melaksanakan dengan yakin amalan Islam dalam kehidupan seharian (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2016).

Pembinaan kursus (MPU) Pengajian Islam ini amat selari dengan apa yang telah di hasratkan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (PPPM-PT). Terdapat 10 lonjakan utama bagi merealisasikan aspirasi sistem dan aspirasi pelajar. Salah satu lonjakan tersebut adalah lonjakan (1) iaitu menghasilkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Graduan juga diharapkan dapat membina sifat murni, rasa tanggungjawab dan semangat patriotisme. Selain itu juga, pembinaan kursus (MPU) Pengajian Islam adalah berdasarkan matlamat Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN).

Di samping itu, kerelevanan sesuatu kurikulum merupakan aspek yang penting dalam konteks pendidikan negara. Keabsahan sesuatu kurikulum dapat dibuktikan melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang merupakan asas kepada Dasar Pendidikan Negara. Kurikulum perlu relevan mengikuti perkembangan dan keperluan semasa, hala tuju pendidikan dan aspirasi Negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Sehubungan dengan itu, Falsafah Pendidikan Islam dibangunkan selari dengan Dasar Pendidikan Negara, memberi fokus kepada pendidikan yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah untuk membentuk insan supaya menjadi Muslim yang berilmu, beriman, beramal soleh dan berperibadi mulia ke arah melengkapkan diri serta bertanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah yang bertakwa (Alias Mat Saad, 2010). Oleh itu, kursus MPU Pengajian Islam yang ditawarkan di Institut Pengajian Tinggi Awam seperti Politeknik dan Kolej Komuniti hendaklah sentiasa relevan dan selari objektif penawarannya dengan Dasar Pendidikan Negara.

Dalam konteks pengajaran pula, guru yang mahir dalam bidang Pendidikan Islam merupakan aspek penting dalam penyebaran ilmu. Al-Abrasy (1976) dan Al-Nahlawi (1983) menekankan bahawa seseorang guru perlu berusaha meningkatkan pengetahuan bidang ilmu yang diajar serta dapat mengusai pelbagai ilmu pengetahuan yang lain. Manakala pengetahuan asas dalam pendidikan pula merupakan elemen yang penting untuk melaksanakan sesuatu kurikulum.

Oleh itu, pengetahuan yang jelas berkaitan kursus (MPU) Pengajian Islam merupakan elemen yang penting untuk memastikan penyebaran ilmu yang tepat dapat disampaikan kepada pelajar. Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri (2007) menyatakan guru perlu menguasai pedagogi iaitu berpengetahuan dan mempunyai kemahiran mengajar meliputi aktiviti perancangan, bimbingan dan penilaian dengan tujuan menyebarkan ilmu pengetahuan atau kemahiran kepada pelajar dengan berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Pendidikan pula adalah suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan. Usaha murni ini menjadi lebih sempurna dengan kewujudan infrastruktur yang bersesuaian dengan penyampaian ilmu. Bilik kuliah atau ruang pengajaran dan pembelajaran merupakan asas dalam proses penyampaian ilmu. Manakala kemudahan seperti perpustakaan dan peralatan teknologi dalam pendidikan merupakan elemen tambahan untuk meningkatkan lagi proses pembelajaran. Perkara ini disokong dalam laporan "Pembangunan Pendidikan 2010" Kementerian Pendidikan Malaysia (2011) yang menyatakan proses pendidikan memerlukan kemudahan fizikal yang kondusif sebagai keperluan pembelajaran yang optimum.

Kemudahan fizikal ini turut merangkumi segala sumber yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran seperti perpustakaan, kemudahan teknologi maklumat dan sebagainya (Chupela, 1994; Feinberg et al., 1998). Kegagalan pihak institusi dalam penyediaan kemudahan asas ini akan menyebabkan kejanggalan dalam proses pendidikan. Syed Khalid Syed Idrus (2018) dalam laporan kajiannya menyatakan guru pelatih IPG kurang berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan seperti kemudahan bilik kuliah, kebolehfungsian peralatan pembelajaran dan tahap capaian internet di kampus IPG. Oleh itu, perkara seumpama ini hendaklah diatasi dengan sebaiknya.

Bahan pengajaran dalam melaksanakan sesuatu kurikulum merupakan elemen yang penting untuk memastikan penyampaian ilmu dilaksanakan. Modul atau bahan pengajaran merupakan sumber utama dalam proses penyampaian sesuatu ilmu. Tanpa bahan pengajaran ini sesuatu ilmu tidak dapat disampaikan dengan sempurna. Manakala untuk melengkapi matlamat pengajaran dan pembelajaran, peruntukan masa yang bersesuaian perlu diutamakan. Menurut Myers dan Myers (1995) amalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



pengajaran yang berkesan antaranya ialah penggunaan masa ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Manakala Brophy dan Good (1986) menyatakan bahawa pengajaran berkesan adalah apabila pengajar berjaya menyampaikan dengan ringkas, melibatkan soal jawab, pembacaan dan memberi maklum balas terhadap idea pelajar. Dalam konteks pelaksanaan amalan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan merupakan matlamat utama dalam pendidikan. al-Syaibani (1975) menyatakan pengajaran yang berkesan apabila pelajar memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran dan mampu mengubah sikap dan tingkah laku ke arah yang lebih baik.

Selain itu, penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) merupakan salah satu usaha untuk menjadikan pendidikan tersebut lebih menarik dan berkesan. Menurut Percival dan Ellington (1988), penggunaan teknologi boleh menambah kualiti pengajaran dan meningkatkan usaha penguasaan, menjimatkan masa pelajar dalam mencapai matlamat. Zol Bahri Razali (2001) dalam kajiannya menyatakan ketiadaan (BBM) yang sesuai merupakan punca pelajar selalu menghadapi masalah yang serius untuk memahami sesuatu konsep pembelajaran.

Untuk mencapai tahap pengajaran yang berkesan, amalan semak dan imbang merupakan proses penting dalam pendidikan. Amalan semak dan imbang atau dikenali dengan istilah pemantauan merupakan elemen kemuncak dalam memastikan pelaksanaan pendidikan itu berjalan dengan baik. Menurut Ramaiah (1995) pemantauan atau penyeliaan adalah sebagai satu usaha untuk mendorong, menyelaras dan membimbing pendidik dalam hal pengajaran supaya mereka lebih berupaya melakukan fungsi berkaitan pengajaran dan pembelajaran. Murphy (2002) menghuraikan bahawa pemimpin yang berkesan mengamalkan pelbagai prosedur

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



pemantauan, memaklumkan kepada pengajar yang dipantau tentang interpretasi yang diperoleh dari pemantauan dan menerapkan prosedur pemantauan dalam penilaian pelaksanaan dan penetapan matlamat.

Dalam konteks melihat kepada pencapaian, pentaksiran merupakan penanda aras untuk menilai keberkesanan pelaksanaan sesuatu kurikulum seperti yang dikhendaki. Selain itu, pentaksiran juga merupakan salah satu daripada sub penilaian. Menurut Ahmad Mohd Salleh (2000) penilaian merupakan sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Penilaian pengajaran dan pembelajaran mempunyai hubungan yang saling bertindak balas antara satu dengan yang lain untuk mencapai matlamat yang dikehendaki. Kursus (MPU) Pengajian Islam yang ditawarkan di Politeknik mempunyai empat jenis penilaian. Penilaian-penilaian tersebut berbentuk penilaian berterusan (PB) iaitu, tunjuk cara, pembentangan, e-folio dan tugasan berasaskan masalah (PBT). Pelajar akan di diberikan tugasan dan dinilai secara berterusan dari awal semester hingga ke hujung semester iaitu pada minggu ke-14.

Pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam tidak terhad kepada sesuatu kursus dalam bilik kuliah sahaja, peranannya juga sangat penting dalam usaha untuk melahirkan modal insan yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Peranan kursus ini seharusnya bergerak seiring dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI), ini kerana bagi tujuan untuk memastikan mutu dan kualiti pendidikan negara berada di landasan yang sebenar mengikut acuan pendidikan Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Setelah kursus ini dilaksanakan, penilaian pelaksanaan wajar dilakukan kerana mempunyai objektif yang sangat besar dalam keberkesanan pelaksanaan kurikulum dan program tersebut. Kesan daripada penilaian ini akan memberi impak kepada pihak yang berkepentingan terutama pihak yang menguruskan kurikulum tersebut. Ini kerana hasil daripada penilaian tersebut akan dapat dilaksanakan penambahbaikan yang sewajarnya, secara tidak langsung dapat meningkatkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, pelajar juga merupakan salah satu pihak yang berkepentingan untuk memberikan maklum balas terhadap keberkesanan sesuatu kursus dan kurikulum yang diikutinya.

Matlamat pendidikan negara adalah untuk melahirkan modal insan yang beriman, berakhlak dengan akhlak yang mulia, berilmu dan berketerampilan selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (PPPM-PT). Justeru kurikulum yang disusun berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan diterjemahkan melalui kursus-kursus yang ditawarkan di peringkat pengajian tinggi awam diharapkan mampu memberi perubahan terhadap landskap pendidikan negara sekali gus memberi pengharapan untuk melahirkan generasi yang berdaya saing dalam pelbagai bidang dapat dihasilkan.

Di Politeknik kursus (MPU) Pengajian Islam merupakan *platform* pendidikan untuk memastikan kesinambungan kefahaman Islam diteruskan. Persoalannya adakah pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam ini memenuhi keperluan dan hasrat kurikulum? Oleh itu, elemen penilaian pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dalam kajian ini dilihat dari pelbagai aspek. Bermula dengan penilaian kompetensi pensyarah sebagai pelaksana. Seterusnya diikuti dengan penilaian infrastruktur yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



disediakan sebagai kemudahan untuk pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam, penilaian bahan pengajaran sebagai panduan asas pengajaran, penilaian pelaksanaan amalan pengajaran dan pembelajaran, penilaian penggunaan bahan bantu mengajar, penilaian pemantauan dokumen rasmi kursus dan penilaian pelaksanaan markah penilaian berterusan (PB) untuk memastikan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam ini dijalankan seperti yang dihasratkan oleh kurikulum.

## 1.3 Pernyataan Masalah

### 1.3.1 Isu-isu Pelaksanaan Kurikulum

Rumusan daripada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (PPPM-PT) telah menjelaskan beberapa panduan untuk mengatasi isu berkaitan menentukan landskap pendidikan tinggi negara. Antaranya kekuatan sesuatu kurikulum yang berkualiti perlu mendasari aspirasi pendidikan, aspirasi pendidikan tinggi perlu terus berkembang sebagai *respons* terhadap *trend global* semasa serta sebagai persediaan untuk menghadapi cabaran masa hadapan (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (PPPM-PT), 2021). Selain itu, tokoh kurikulum berpandangan bahawa sesuatu kurikulum itu perlulah memenuhi matlamat pendidikan. Manakala pendidikan pula mempunyai isi kandungan yang perlu dicapai objektifnya. Seterusnya objektif dan kurikulum itu harus dinilai dan diukur untuk menentukan keberkesanan sesuatu kurikulum itu berlaku (Hooper, 1977).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dalam kajian ini, Kursus (MPU) Pengajian Islam ditadbir oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK). Badan ini berperanan mengatur hala tuju kurikulum Politeknik seperti yang telah hasratkan berpandukan kepada Dasar Pendidikan Negara. Pelbagai cadangan dan penambahbaikan telah di laksanakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) untuk memastikan kursus yang ditawarkan di Politeknik sentiasa relevan dan mengikut peredaran semasa (Politeknik, 2019). Di samping itu, dalam membentuk tenaga kerja separa profesional yang mempunyai sahsiah yang tinggi kurikulum perlu dirancang dan dibangunkan dengan penuh sistematik agar keperluan kurikulum ini bertepatan mengikut kehendak wawasan negara (Alias Mat Saad, 2010).

Kursus MPU Pengajian Islam di Politeknik ditawarkan kepada pelajar bermula pada sesi Disember tahun 2019. Kursus ini adalah kesinambungan daripada Kursus Pendidikan Islam yang dilaksanakan sebelum ini kepada pelajar diploma semester 1 dan semester 2. Walau bagaimanapun kursus MPU Pengajian Islam hanya dilaksanakan pada semester 2 sahaja. Selain itu, kandungan topik kursus MPU Pengajian Islam ini terdiri daripada Islam sebagai agama, asas syariah, institusi Islam dan cabaran semasa. Berbanding Kursus Pendidikan Islam, asas pembinaannya melibatkan dari tiga cabang ilmu Islam iaitu akidah, syariah, akhlak serta cabang ilmu *munakahat* dan *muamalat* (Alias Mat Saad et al., 2014). Justeru itu menjadi persoalan, adakah jumlah masa dan sesi Pendidikan Islam selama 14 minggu dalam tempoh satu semester mencukupi? Apakah keberkesanan pelaksanaan kursus ini dalam tempoh 3 tahun pengajian diploma dengan jumlah masa 14 minggu yang diperuntukkan untuk sesi pengajaran dan pembelajaran berasaskan Pendidikan Islam mampu membentuk kefahaman agama dan amalan penghayatan agama dapat diaplikasikan dalam kehidupan pelajar?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Sehubungan dengan itu, kajian menyeluruh dan empirikal berkaitan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam perlu dilakukan kerana kursus ini masih belum dikaji secara mendalam. Menurut Morris (1987) apabila sesuatu kursus telah dilaksanakan, tindakan untuk menilai keberkesanan pelaksanaan perlu diberi perhatian. Oleh yang demikian, kajian penilaian pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam perlu dilakukan seperti mana yang telah dilalui oleh subjek Pendidikan Islam di sekolah yang telah diberikan penilaian semula untuk memastikan subjek tersebut sesuai dengan tuntutan semasa (Ab. Halim Tamuri, 2012; Norhayati Fatmi Talib, 2014; Azizi Jaafar, 2015). Selain itu, merujuk kepada kajian-kajian lepas yang mencadangkan agar penilaian dalam kurikulum Pendidikan Islam merupakan suatu keperluan untuk memastikan perubahan yang setara dengan perubahan semasa (Asmawati Suhid, 2007; Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi Nik Yussof, 2010; Khairani Zakariya@Abd hamid, 2012; Mohd Aliff Mohd Nawi, 2013; Lukman Hakimi Ahmad, 2014).

Pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam di Politeknik telah ditambah baik dari masa ke semasa. Walaupun begitu masih terdapat kelompongan dari aspek penyediaan bahan kurikulum dan pelaksanaannya di peringkat institusi. Antara kelompongan yang telah dikenal pasti adalah dari aspek dokumen rasmi kursus seperti panduan tugasan dan rubrik penilaian pentaksiran yang masih bersifat umum dan boleh ditafsirkan dengan pelbagai penafsiran (Firdaus Jusoh, 2017). Oleh itu, menjadi persoalan adakah dokumen rasmi pembelajaran ini dipantau bagi tujuan kualiti kurikulum agar perbezaan pelaksanaan dapat di atasi dengan sebaiknya?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Selain itu, dari aspek kesediaan modul kepada institusi pelaksana. Terdapat kepelbagaian modul di peringkat institusi yang digunakan sebagai bahan pengajaran. Hal ini menyebabkan kursus (MPU) Pengajian Islam dijalankan dengan kebergantungan sepenuhnya di peringkat institusi untuk melaksanakan kursus ini mengikut kepakaran dan bahan pengajaran masing-masing (Norhayati Fatmi Talib, 2014). Justeru menjadi persoalan adakah semua institusi yang menjalankan kursus ini turut menyediakan modul kepada pelajar masing-masing? Adakah modul yang disediakan mudah difahami dan dibaca serta bersesuaian dengan sukatan pelajaran yang dicadangkan? Di samping itu, adakah modul ini sesuai dengan peringkat pengajian pelajar? Adakah modul ini disusun mengikut keperluan pelajar dari aspek pembentukan kefahaman agama dan pelaksanaannya dalam kehidupan?

05-45068 tbupsi

Salaian itu, dari aspek arahan tugasan pula menunjukan arahan tugasan dibangunkan oleh Politeknik masing-masing melalui ketua kursus berdasarkan arahan umum tugasan yang dibekalkan oleh bahagian pembangunan kurikulum (BPK). Ketua kursus dan penyelaras kursus memperhalusi arahan tugasan dan tajuk-tajuk tugasan mengikut kepakaran masing-masing tanpa dibekalkan latihan khusus. Walaupun menggunakan rubrik penilaian yang sama, namun teknikal penilaian yang dilaksanakan oleh pensyarah yang mengajar tidak diselaraskan. Di samping itu, laporan pencapaian hanya terhad dilaporkan di peringkat jabatan untuk keperluan *programe learning outcome* (PLO) sahaja. Sedangkan pelaksanaan kurikulum dalam sistem Politeknik mesti diseragamkan di semua peringkat pelaksanaan terutamanya aspek penilaian. Setiap pelaksanaan kurikulum tertakluk kepada peruntukan yang terdapat dalam buku panduan arahan-arahan peperiksaan dan kaedah penilaian yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan sijil/diploma Politeknik dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menjalankan kuasa yang diberikan oleh menteri di bawah peraturan 7, peraturan-peraturan pendidikan 1997 (P.U.(A) 527/97), (Arahan-arahan peperiksaan dan kaedah Penilaian 2009).

Terdapat juga beberapa isu teknikal yang telah dikenal pasti di peringkat awal pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam. Antaranya tahap kemampuan terhadap pengetahuan pedagogi dan pedagogikal kandungan kursus (MPU) Pengajian Islam "*pedagogical Content Knowladge*" dalam kalangan pensyarah yang mengajar masih berada pada tahap yang sederhana. Hal ini kerana, ianya selari dengan kenyataan iaitu terdapat pensyarah yang tidak kompeten (Abd. Wahid Jais & Zainab Ishak, 2010). Perkara ini amat ditekankan oleh penyelidik lepas iaitu, aspek pedagogi menjadi salah satu fokus utama pensyarah dalam konteks penyampaian maklumat agar sentiasa bersesuaian dan selari dengan perkembangan semasa (Robiah Sidin & Nor Sakinah Mohamad, 2007; Buletin Anjakan KPM, 2015).

05-4506832 ptbupsi

Selain itu, terdapat juga permasalahan dari aspek pengetahuan asas pendidikan dalam kalangan pensyarah yang baru dilantik dalam perkhidmatan. Mereka juga tiada kelayakan ikhtisas khusus dalam bidang (MPU) Pengajian Islam. Menurut Azizi Jaafar (2015) dalam konteks kompetensi, pensyarah perlu memantapkan aspek profesionalisme dalam diri serta mengemas kini pengetahuan asas pendidikan, pengetahuan pedagogi dan pengetahuan berkaitan kursus yang diajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Di samping itu, terdapat isu-isu teknikal seperti tiada bahan pengajaran formal berkaitan kursus (MPU) Pengajian Islam disediakan seperti buku atau nota khusus berkaitan dengan kursus (MPU) Pengajian Islam. Proses pengajaran dan pembelajaran kursus MPU sepenuhnya berpandukan kepada slait yang dibangunkan oleh pensyarah yang mengajar. Hal ini kerana secara tidak langsung telah menyebabkan kaedah pengajaran hanya tertumpu kepada syarahan atau teknik konvensional semata-mata. Perkara ini selari dengan kenyataan iaitu realiti perlaksanaan pengajaran pensyarah di IPT masih mengamalkan kaedah pengajaran dan pembelajaran konvensional (Wan Amizah Wan Mahmud et al., 2012; Yee et al., 2018). Kompetensi pedagogi pensyarah masih ditahap yang sederhana (Lu, 2013; Mohamad Marzuqi Abdul Rahim & Azmil Hashim, 2017).

05-4506832 ptbupsi

Manakala keseimbangan peruntukan jam pembelajaran pelajar "*Student Learning Time"* (SLT) kurang bersesuaian. Ini kerana nisbah tugasan pelajar *"assaingment"* yang telah ditetapkan oleh "*Course Outline"* adalah sangat terhad dari satu tugasan ke tugasan yang lain. Terdapat tugasan yang perlu diselesaikan dalam tempoh dua minggu dari tarikh bermulanya semester, manakala terdapat juga tugasan yang melibatkan sehingga empat minggu. Perkara ini juga telah ditekankan oleh penyelidik yang lepas iaitu waktu pengajaran yang kurang bersesuaian (Abd. Wahid Jais & Zainab Ishak, 2010). Justeru didapati elemen penilaian lebih banyak diperuntukkan sehingga pengajaran teori menjadi terhad. Fenomena ini membimbangkan pensyarah khususnya unit Pendidikan Islam, adakah penghayatan Islam itu dapat di terapkan dalam bilik-bilik kuliah untuk memastikan penyampaian ilmu selari dengan kehendak falsafah pendidikan Islam dan Kebangsaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Selain itu, terdapat juga isu berkaitan infrastruktur yang disediakan dalam proses pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam. Antaranya bilik kuliah yang sediakan tidak bersesuaian dengan jumlah pelajar yang ramai. Kenyataan ini selari dengan pengkaji terdahulu iaitu terdapat dalam kalangan pensyarah terbeban dengan jumlah pelajar yang ramai dalam satu-satu bilik kuliah (Suraya Sintang & Faezah Kasim, 2004; Zaid Ahmad et al., 2010; Ahmad Firdaus Mohd Noor et al., 2014). Masalah bilik kuliah yang terpaksa menampung jumlah pelajar yang ramai menyebabkan proses pembelajaran menjadi tidak sempurna.

Dari aspek rujukan pula, kekurangan bahan rujukan yang disediakan di perpustakaan berkaitan kursus (MPU) Pengajian Islam. Dari aspek peralatan ICT, kemudahan asas seperti projektor dan laptop tidak disediakan di ruang bilik kuliah, pensyarah terpaksa membawa setiap kali sesi kelas dijalankan. Azizah Lebai Nordin (2003) dan Azizi Jaafar (2015) menyatakan kelengkapan prasarana sekolah juga menjadi faktor penting dalam pencapaian objektif pendidikan Islam. Selain itu, Ab. Halim Tamuri (2012) dan Ghazali Yusri Abd Rahman (2012) menyatakan dalam konteks pelaksanaan kursus Pendidikan Islam dalam kaitan ke arah pembinaan Negara bangsa, aspek yang paling utama yang perlu dikaji ialah bagaimana proses pelaksanaan pembelajaran dalam bilik darjah.

Terkahir adalah berkaitan permasalahan persepsi dan minat pelajar terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam. Kemuncak penilaian pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam ini bertitik tolak terhadap persepsi pelajar terhadap penawaran kursus ini. Pelajar mengutamakan kursus induk dan memandang remeh terhadap kursus umum hingga boleh mengakibatkan kursus ini tidak mendapat sambutan yang baik. Kenyataan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



ini selari dengan isu yang terdapat laporan-laporan dalam kajian yang lepas iaitu pelajar kurang berminat dengan kursus-kursus Mata Pelajaran Umum (Mohd Arip Kosmo, 2004; Samri Sainuddin & Isahak Haron, 2004; Hussain Othman et al., 2008; Norhayati Fatmi Talib et al., 2010; Mohamad Azhari Abu Bakar et al., 2012).

### 1.3.2 Isu-isu Kemenjadian Pelajar

Selain daripada isu teknikal dalam pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam, terdapat juga isu berkaitan keberkesanan pelaksanaan kursus terhadap kemenjadian pelajar. Merujuk kepada falsafah Pendidikan Islam, antara matlamat pendidikan Islam adalah membentuk perkembangan insan agar menjadi Muslim yang berilmu, beriman, beramal soleh dan berperibadi mulia selaras dengan tanggungjawab sebagai khalifah di muka bumi. Oleh itu, panduan ini sangat jelas bahawa pentingnya sebuah kurikulum yang seimbang meliputi aspek *duniawi* seperti teknikal dan vokasional serta pendidikan Islam sebagai *wadah ukhrawi*. Walaupun begitu, mutakhir ini kita sering dikejutkan dengan berita-berita dan laporan penyelidikan yang memaparkan realiti kepincangan akhlak dalam kalangan pelajar khususnya dan remaja secara amnya. Fenomena ini seakan-akan menunjukkan pendidikan yang dibekalkan seakan tidak tercapai (Asmawati Suhid & Fathiyah Mohd Fakhrudin, 2012).

Sehubungan dengan itu, kita sedia maklum bahawa akhlak dan sahsiah terpuji lahir daripada kurikulum dan pendidikan yang seimbang. Terdapat laporan yang mengaitkan masalah keruntuhan akhlak yang berlaku dalam kalangan pelajar di Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta. Isu keruntuhan akhlak ini bertitik tolak daripada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


asas pendidikan yang diterima seakan tidak begitu menjadi. Kajian Asmawati Suhid dan Fathiyah Mohd Fakhrudin (2012) menyatakan walaupun kurikulum Pendidikan Islam telah mula di ajar sejak di sekolah rendah dan menengah, namun ia masih di anggap gagal dalam memberi persepsi yang baik terutama dalam perkara yang melibatkan akhlak. Kajian Siti Noorbiah Md Rejab (2015) membuktikan dalam kajiannya bahawa kehakisan akhlak dalam kalangan pelajar semakin ketara bertitik tolak daripada kekurangan pendidikan ilmu agama, kefahaman dan penghayatan terhadap al-Quran.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Shamsuddin (1990) mengemukakan maklum balas yang diberikan oleh pentadbir dan pensyarah Pendidikan Islam di Politeknik Ungku Omar (PUO) bahawa objektif penerapan ilmu pendidikan Islam di PUO tidak tercapai matlamatnya. Di dapati pelajar mampu menghasilkan keputusan yang cemerlang dalam akademiknya, tetapi masih terdapat kekurangan dari aspek penghayatan nilai dan perlaksanaan ajaran islamiah itu sendiri. Pencapaian dari aspek afektifnya tidak dapat dikuasai oleh pelajar dengan tujuan untuk melahirkan insan kamil dan soleh yang bercirikan akidah, ibadah dan akhlak yang terpuji. Perkara ini selari dengan apa telah ditegaskan oleh Yusuf Al-Qaradhawi dengan maksud pendidikan Islam itu mencakupi seluruh kehidupan termasuk akal, hati, rohani, jasmani, akhlak dan sikap.

Di samping itu, kajian Lukman Hakimi Ahmad (2014) melaporkan di Politeknik Sultan Ahmad Shah (POLISAS) terdapat dua kes yang melibatkan pelajar berjaya di kesan iaitu kes khalwat dan kes kecurian komputer riba. Kedua-dua kes ini melibatkan pelajar perempuan. Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Azizah Mat Rashid et al.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


(2015) juga menyatakan masyarakat kini berhadapan dengan krisis akhlak yang serius merangkumi perbuatan dan tingkah laku tidak bermoral seperti zina dan sumbang mahram yang menyebabkan lahirnya anak luar nikah. Dalam konteks Islam, perbuatan melakukan perkara mungkar amatlah ditegah dari sekecil-kecilnya hingga kepada kemungkaran yang paling besar. Islam juga menegah unsur penipuan atau ke tidak jujuran, malahan istilah tipu sunat yang di gembar gemburkan juga tidak pernah wujud dalam konteks Islam. Begitu juga tingkah laku yang bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar serta menyimpang dari nilai etika moral amatlah di tegah (Al-Sayuti, 1998). Keruntuhan akhlak tidak terhad kepada masalah moral sahaja, malahan dalam konteks akademik juga istilah *plagiat* atau mencuri hak milik asal orang lain dalam menyiapkan tugasan juga tergolong dalam konteks keruntuhan akhlak.

05-4506832 ptbupsi

Kajian McCabe (2005); Josien dan Broderick (2013) melaporkan bahawa 70% daripada 50,000 pelajar ijazah sarjana muda dalam lingkungan tahun 2002 hingga 2005 pernah meniru dan melakukan *plagiat* dan data ini dikumpul daripada 60 buah kampus di seluruh dunia. Kini, seolah-olah telah menjadi kebiasaan ketidakjujuran akademik berlaku di institusi pengajian tinggi kini (Beck, 2014). Oleh yang demikian, budaya ketidakjujuran ini turut melanda dalam kalangan pelajar Politeknik. Islam sangat menegah dan melarang umatnya daripada melakukan perkara mungkar dan tidak bermoral. Islam mengklasifikasikan ketidakjujuran atau tingkah laku menyimpang sebagai tingkah laku yang menyalahi nilai etika moral serta menyalahi asas ajaran Islam (Al-Sayuti, 1998).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Selain daripada keruntuhan akhlak, terdapat juga kajian yang melibatkan perkara akidah dilaporkan. Antaranya laporan dari Jabatan Agama Islam Selangor (2010), iaitu ideologi yang terdapat unsur menyeleweng seperti dualisme dan sekularisme yang masuk ke dalam masyarakat Islam mampu menjauhkan mereka dengan ajaran Islam seterusnya menolak Islam dengan mudah. Selain itu, aspek penekanan berkaitan akidah perlu diberi perhatian ke tahap yang lebih baik. Kajian yang dijalankan oleh Mardzelah Makhsin et al. (2016). Hasil kajian mereka menunjukkan Pendidikan Akidah dalam Pendidikan di Malaysia perlu diberi penekanan sejak dari sekolah rendah hingga ke institusi pengajian tinggi kerana golongan ini mudah terpengaruh dengan ajaran sesat.

Seterusnya penguatkuasaan terhadap kesalahan melibatkan akidah perlu dipertingkatkan. Kajian oleh Jasni Sulong (2016). Dapatan kajian menunjukkan bahawa undang-undang telah lama digubal untuk menyekat *da'yah* songsang ke atas akidah umat Islam. Bagaimanapun, elemen penguatkuasaan menjadi hambatan kepada kesalahan yang berhubung akidah yang masih berlaku terutama melalui media sosial. Sehubungan dengan itu, elemen kepentingan ibadah turut ditekan dalam kajian ini. Hal ini kerana, penghayatan agama adalah didasari dari tiga tunjang utama iaitu akidah, ibadah dan akhlak. Menurut al-Attas (1978), antara asbab ketidaktentuan keperibadian dan sahsiah umat Islam adalah berpunca dari integriti umat Islam itu sendiri. Apabila tanggungjawab terhadap pencipta tidak dipatuhi dalam pelaksanaan rukun iman dan Islam sehingga mengabaikan perkara ibadah dalam kehidupan seharian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Oleh yang demikian, amat wajarlah kursus (MPU) Pengajian Islam ini dikaji secara empirikal. Bermula daripada aspek penilaian pelaksanaan kursus, isu-isu teknikal dalam pelaksanaanya yang melibatkan kompetensi pensyarah, infrastruktur, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, pemantauan proses pengajaran dan pembelajaran, pentaksiran dan aspek kemenjadian pelajar dari sudut keberkesanan sesuatu kurikulum itu dilaksanakan.

Seterusnya kewajaran untuk mengkaji kursus ini secara empirikal berkaitan impak daripada pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam terhadap proses kemenjadian pelajar yang melibatkan penghayatan agama iaitu aspek akidah, ibadah dan akhlak amat bertepatan dengan matlamat pendidikan Negara, iaitu untuk melahirkan modal insan yang beriman, berakhlak dengan akhlak yang mulia, berilmu dan berketerampilan selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (PPPM-PT) iaitu menghasilkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.

## 1.4 Objektif Kajian

Dalam membentuk objektif kajian, pengkaji membinanya berdasarkan empat penilaian utama mengikut model CIPP iaitu penilaian konteks, penilaian input, penilaian proses dan penilaian produk. Objektif-objektif ini memberi penumpuan terhadap matlamat kajian yang akan dikaji seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


a. Dimensi Konteks:

i) Mengenal pasti kerelevanan objektif (MPU) Pengajian Islam dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

ii) Mengenal pasti kerelevanan objektif (MPU) Pengajian Islam dengan Falsafah Pendidikan Islam (FPI).

b. Dimensi Input:

i) Mengenal pasti tahap kompetensi pensyarah dari aspek pengetahuan asas pendidikan, pengetahuan terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam dan kelayakan ikhtisas.

ii) Mengenal pasti tahap kesediaan modul (MPU) Pengajian Islam sebagai bahan pengajaran.

05-4506832 ptbupsi

iii) Mengenal pasti tahap peruntukan pengagihan jam pembelajaran pelajar *"Student Learning Time"* (SLT).

iv) Mengenal pasti tahap infrastruktur iaitu bilik kuliah, perpustakaan dan peralatan ICT.

c. Dimensi Proses:

i) Mengenal pasti tahap proses amalan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kursus (MPU) Pengajian Islam dari segi amalan pengajaran dan pembelajaran dan penggunaan bahan bantu mengajar di Politeknik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



ii) Mengenal pasti tahap proses pemantauan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran serta pemantauan dokumen kursus (MPU) Pengajian Islam di Politeknik.

iii) Mengenal pasti tahap proses pelaksanaan pentaksiran kursus (MPU) Pengajian Islam dari aspek penilaian berterusan (PB) di Politeknik.

d. Dimensi Produk:

i) **Produk Impak:** Mengenal pasti tahap pencapaian pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dari aspek keputusan penilaian berterusan (PB) dan persepsi pelajar terhadap kursus MPU.

ii) **Aspek Keberkesanan:** Mengenal pasti tahap keberkesanan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dalam mencapai objektif kursus.

iii) **Aspek Keberkesanan:** Menentukan hubungan Kompetensi Pensyarah (Pengetahuan Asas Pendidikan dan Pengetahuan Kursus (MPU) Pengajian Islam) dengan pengetahuan pedagogi dan pengetahuan pedagogikal kandungan "*Pedagogical Content Knowledge*" dalam kalangan pensyarah.

iv) **Aspek Kemampanan:** Menentukan hubungan Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam iaitu (Modul MPU, Bilik Kuliah, Perpustakaan, Peralatan ICT), (Amalan Pelaksanaan P&P dan Penggunaan BBM) dengan Pembentukan Kefahaman Agama iaitu (akidah, ibadah dan akhlak) dalam diri pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


v) **Aspek Kebolehpindahan:** Menentukan hubungan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam (Modul MPU, Bilik Kuliah, Perpustakaan, Peralatan ICT), (Amalan Pelaksanaan P&P dan Penggunaan BBM) dengan amalan penghayatan agama (akidah, ibadah dan akhlak) berpotensi diaplikasikan dalam kehidupan pelajar.

## 1.5 Soalan Kajian

Berdasarkan Model CIPP (*context, input, process, product*), kajian penilaian pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam di Politeknik Malaysia akan menjawab beberapa persoalan-persoalan kajian seperti berikut:

05-4506 tbupsi

a. Dimensi Konteks:

i) Adakah objektif kursus (MPU) Pengajian Islam relevan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)?

ii) Adakah objektif kursus (MPU) Pengajian Islam relevan dengan Falsafah Pendidikan Islam (FPI)?

b. Dimensi Input:

i) Apakah tahap kompetensi pensyarah dari aspek pengetahuan asas pendidikan, pengetahuan terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam dan kelayakan ikhtisas untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


ii) Apakah tahap kesediaan modul (MPU) Pengajian Islam sebagai bahan pengajaran membantu pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam di politeknik?

iii) Apakah tahap peruntukan pengagihan jam pembelajaran pelajar "*Student Learning Time*" (SLT) mencukupi dan membantu pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam di politeknik?

iv) Apakah tahap infrastruktur iaitu bilik kuliah, perpustakaan dan peralatan ICT mencukupi dan membantu pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam di politeknik?

c. Dimensi Proses:

05-4506832 ptbupsi

i) Apakah tahap proses pelaksanaan P&P kursus (MPU) Pengajian Islam dari segi amalan pengajaran dan amalan pembelajaran serta penggunaan bahan bantu mengajar dilaksanakan dengan berkesan di politeknik?

ii) Apakah tahap proses pemantauan pelaksanaan P&P, serta pemantauan dokumen kursus (MPU) Pengajian Islam di politeknik dilaksanakan dengan berkesan?

iii) Apakah tahap proses pelaksanaan pentaksiran penilaian berterusan (PB) kursus (MPU) Pengajian Islam dilaksanakan dengan berkesan di politeknik?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


d. Dimensi Produk:

i) **Produk Impak:** Apakah tahap pencapaian pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dari aspek impak iaitu keputusan penilaian berterusan (PB) dan persepsi pelajar terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam?

ii) **Aspek Keberkesanan:** Apakah tahap keberkesanan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dalam mencapai objektif kursus yang ditawarkan?

iii) **Aspek Keberkesanan:** Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara Kompetensi Pensyarah iaitu (Pengetahuan Asas Pendidikan dan Pengetahuan Kursus (MPU) Pengajian Islam) dengan pengetahuan pedagogi dan pengetahuan 27edagogical kandungan "*Pedagogical Content Knowledge"* dalam kalangan pensyarah?

iv) **Aspek Kemampanan:** Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam iaitu (Modul MPU, Bilik Kuliah, Perpustakaan, Peralatan ICT), (Amalan Pelaksanaan P&P dan Penggunaan BBM) dengan Pembentukan Kefahaman Agama iaitu (akidah, ibadah dan akhlak) dalam diri pelajar?

v) **Aspek Kebolehpindahan:** Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam iaitu (Modul MPU, Bilik Kuliah, Perpustakaan, Peralatan ICT), (Amalan Pelaksanaan P&P dan Penggunaan BBM) dengan Amalan Penghayatan Agama iaitu (akidah, ibadah dan akhlak) berpotensi untuk diaplikasikan dalam kehidupan pelajar?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.6 Hipotesis

Dalam kajian ini dimensi konteks pengkaji menggunakan analisis pekali persetujuan Cohen Kappa (Robson, 1998). Seterusnya persoalan kajian dimensi input dan dimensi proses pengkaji menggunakan analisis deskriptif yang menggunakan skor min dan sisihan piawai, iaitu terdiri daripada persoalan kajian dimensi (4a) produk impak dan (4b) produk keberkesanan. Manakala dimensi produk terdiri daripada (4c) produk keberkesanan, (4d) produk kemampanan, (4e) produk produk kebolehpindahan pengkaji menggunakan analisis inferensi melalui *SEM-PLS*. Oleh itu, sebanyak tiga hipotesis telah dibina berdasarkan sorotan dan soalan kajian untuk diuji melalui laluan *SEM-PLS*. Hipotesis-hipotesis yang dikemukakan adalah seperti berikut: -

05-4506832 ptbupsi

Ha1 Terdapat hubungan yang signifikan antara Kompetensi Pensyarah iaitu (Pengetahuan Asas Pendidikan dan Pengetahuan Kursus (MPU) Pengajian Islam) dengan pengetahuan pedagogi dan pengetahuan pedagogikal kandungan "*Pedagogical Content Knowledge*" pensyarah.

Ha2 Terdapat hubungan yang signifikan antara Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam iaitu (Modul MPU, Bilik Kuliah, Perpustakaan, Peralatan ICT, Amalan Pengajaran, Amalan Pembelajaran, Penggunaan BBM,) dengan Pembentukan Kefahaman Agama iaitu (akidah, ibadah dan akhlak) dalam diri pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Ha3 Terdapat hubungan yang signifikan antara Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam iaitu (Modul MPU, Bilik Kuliah, Perpustakaan, Peralatan ICT, Amalan Pengajaran, Amalan Pembelajaran, Penggunaan BBM,) dengan Amalan Penghayatan Agama iaitu (akidah, ibadah dan akhlak) berpotensi diaplikasikan dalam kehidupan pelajar.

## 1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan model penilaian CIPP oleh Stufflebeam (2007) sebagai asas kajian untuk mengukur penilaian pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam di politeknik Malaysia. Dalam model ini, pengkaji telah menggunakan empat penilaian utama dari model CIPP yang telah di ubahsuai iaitu penilaian konteks, penilaian input, penilaian proses dan penilaian produk sebagai kerangka teori kajian.

Model CIPP Stufflebeam (2007) dipilih sebagai kerangka kajian kerana model ini menggunakan pendekatan pengurusan dalam penilaian pendidikan dan dapat membantu pengkaji dalam membuat keputusan. Model ini juga mempunyai tujuan utama bagi penambahbaikan dan bukannya membuktikan kekuatan ataupun kelemahan. Selain itu, penggunaan model ini selari dengan matlamat dan tujuan penyelidikan iaitu berasaskan kepada penilaian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Menurut Azmil Hashim (2010) model ini berasaskan kepada tiga tunjang utama iaitu menekankan pengawalan terhadap perancangan, penyusunan dan pelaksanaan program. Ia mampu menjawab beberapa persoalan penting seperti bagaimana ia di laksanakan? adakah ia dilaksanakan? Dan adakah ia berjaya? Menurut Norhayati Fatmi Talib (2014) model CIPP merupakan satu model yang komprehensif dan dapat menjelaskan serta menghuraikan bagaimana penilaian boleh memberikan sumbangan kepada proses membuat keputusan serta mudah di fahami dan mudah dilakukan ke atas penilaian untuk setiap elemen.

Menurut Abu Zarrin Selamat (2014) melalui teori model CIPP, proses penilaian keberkesanan sesuatu kursus dimulai dengan agensi pengawalan yang mengoperasikan sistem (kursus atau program) kemudian diikuti oleh penilaian pada tahap pertama hingga ke tahap empat iaitu penilaian konteks, penilaian input, penilaian proses dan penilaian produk. Menurut Azizi Jaafar (2015) pemilihan model CIPP yang di bina oleh Stufflebeam (2007) sebagai kerangka kajian kerana model ini dapat menggambarkan bagaimana penilaian boleh menyumbang kepada proses membuat keputusan dalam amalan pendidikan.

Sehubungan dengan itu penyelidik menggunakan model CIPP dalam kajian ini kerana model ini dapat memerihalkan bagaimana sesuatu kursus itu dilaksanakan, bermula dengan dimensi konteks iaitu memerihalkan dasar rujukan utama sesuatu kursus dilaksanakan daripada cabang falsafah pendidikan kebangsaan dan pendidikan Islam. Seterusnya memerihalkan dimensi input yang meliputi elemen penting dalam melaksanakan sesuatu kursus. Disusuli dengan dimensi proses memerihalkan bagaimana pelaksanaan kursus itu dijalankan berdasarkan input yang telah disediakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Di akhir penilaian iaitu dimensi produk dapat memerihalkan, adakah sesuatu kursus itu berjaya dilaksanakan dari aspek impak, keberkesanan, kemampanan dan kebolehpindahan. Di akhir penilaian iaitu dimensi produk akan memerihalkan produk di dalam bentuk model daripada hasil pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam. Oleh itu, model CIPP ini terbukti dalam penyelidikan dapat memerihalkan pelbagai aspek penilaian yang dapat menyumbang kepada proses membuat keputusan dalam pelaksanaan sesuatu program atau kursus.




*Rajah 1.1.* Aliran Asasi Bagi Model CIPP Yang Telah Diubahsuai Dari Stufflebeam (2007)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Secara ringkasnya, kebanyakan penyelidik telah mengguna model penilaian CIPP di atas sebagai kerangka kajian bagi membuat penilaian ke atas sesuatu program atau kursus untuk tujuan penambahbaikan. Oleh yang demikian, dalam Rajah 1.1 merupakan asas kepada kerangka teori bagi kajian ini. Oleh itu, ia perlu di ubah suai untuk di sesuaikan dengan aspek-aspek yang terdapat dalam kajian ini. Pengubah suaian tersebut seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.2

05-4506832 ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi






*Rajah 1.2.* Kerangka Konseptual kajian yang diubah suai dari Azmil Hashim (2010); Alias Mat Saad (2010); Abu Zarrin Selamat (2014); Norhayati Fatmi Talib (2014) dan Model CIPP Oleh Stufflebeam (2007).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Gredler (1996) merumuskan bahawa empat jenis penilaian ini adalah seperti berikut. Penilaian konteks bertujuan untuk menentukan sesuatu matlamat, keutamaan, keperluan dan masalah. Penilaian input bertujuan untuk mengukur potensi alternative dan menganalisis kesesuaiannya dengan keadaan tertentu. Manakala penilaian proses memberi fokus kepada aspek dokumentasi dan mengukur pelaksanaan program, sama ada sesuatu program itu berjaya atau memerlukan kepada penambahbaikan seterusnya. Dan penilaian produk pula adalah bertujuan untuk mengukur kesan terhadap sesuatu program itu dilaksanakan.

Berdasarkan Rajah 1.2 adalah kerangka konseptual kajian yang telah diubahsuai daripada model penilaian CIPP iaitu penilaian konteks, penilaian input, penilaian proses dan penilaian produk. Setiap penilaian ini mempunyai gaya dimensinya yang tersendiri. Hasil dari penilaian ini, penyelidikan akan mengambil beberapa keputusan-keputusan yang terhasil untuk tujuan penambahbaikan terhadap Kursus (MPU) Pengajian Islam. Berikut merupakan penjelasan secara terperinci bagi setiap dimensi-dimensi yang terdapat dalam Rajah 1.2 kerangka konseptual kajian:

### 1.7.1 Penilaian Konteks

Menurut Gredler (1996) dan Cates (1990) telah menjelaskan bahawa penilaian *Context* (kandungan) bertujuan untuk mengenal pasti tujuan atau matlamat sesuatu program dilaksanakan. Dalam kajian ini, pengkaji berhasrat untuk menilai kerelevanan matlamat Kursus (MPU) Pengajian Islam dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dari aspek melahirkan insan yang seimbang dan harmonis jasmani, emosi, rohani dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



intelek. Selain itu, pengkaji ingin meninjau kerelevanan matlamat Kursus (MPU) Pengajian Islam dengan Falsafah Pendidikan Islam (FPI) dari aspek membentuk dan memperkembangkan insan supaya menjadikan Muslim yang berilmu, beriman, beramal soleh dan berperibadi mulia ke arah melengkapkan diri serta bertanggungjawab sebagai khalifah Allah yang bertakwa.

### 1.7.2 Penilaian Input

Stufflebeam et al. (1971) telah menjelaskan penilaian input memberi tumpuan kepada sumber atau dokumen yang terlibat dalam membantu tercapainya sesuatu matlamat dan objektif sesuatu program yang telah dibangunkan. Dalam kajian ini, penilaian input memberi fokus secara langsung terhadap tahap kompetensi pensyarah unit Agama Jabatan Pengajian Am Politeknik. Hal ini kerana kompetensi pensyarah berperanan sebagai pengantaraan antara isi kandungan kursus dengan pelajar. Selain itu, kajian ini juga memberi fokus kepada infrastruktur seperti bilik kuliah, perpustakaan dan peralatan ICT. Di samping itu, turut memberi fokus kepada modul sebagai bahan pengajaran dan peruntukan pengagihan jam pembelajaran yang telah disediakan dalam melaksanakan Kursus (MPU) Pengajian Islam dengan tujuan mencapai hasrat isi pengajaran disampaikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 1.7.3 Penilaian Proses

Menurut Abu Zarrin Selamat (2014) penilaian proses bertujuan untuk mengawal dan mengurus program yang sedang berlangsung, menentukan apa yang dirancangkan menepati atau tidak seperti yang telah dirancangkan. Dalam kajian ini, penilaian proses memberi fokus kepada pelaksanaan amalan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan bagi tujuan untuk mencapai objektif kursus (MPU) Pengajian Islam. Selain itu, penilaian ini turut memberi fokus kepada pemantauan proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, proses ini untuk memastikan pelaksanaan kursus memenuhi keperluan kurikulum dari aspek sukatan pelajaran. Manakala pemantauan dokumen Kursus (MPU) Pengajian Islam dijalankan adalah untuk memastikan dokumen kursus dilaksanakan mengikut *standard* kualiti MQA dan SIRIM bagi tujuan audit dan penambahbaikan terhadap perlaksanaan kursus. Di samping itu, penilaian proses turut melibatkan pentaksiran kursus. Penilaian ini bertujuan untuk memastikan pentaksiran kursus selari dengan skema pemarkahan, penjadualan semakan tugasan pelajar berdasarkan arahan kurikulum, serta untuk memastikan keseluruhan penilaian memenuhi keperluan kursus sewaktu dilaksanakan.

### 1.7.4 Penilaian Produk

Penilaian produk bertujuan memberi fokus kepada sesuatu hasil yang telah dirancangkan dan diharapkan memberi impak setelah tamat sesuatu program dilaksanakan. Penilaian ini secara tidak langsung ingin menggarapkan tujuan dan matlamat penilaian konteks, input dan proses dengan hasil program. Menurut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Stufflebeam (1987) tahap sesuatu kejayaan dalam satu-satu program dapat diukur melalui perubahan dan pencapaian. Dalam kajian ini, penilaian produk terdiri daripada impak, keberkesanan, kemampanan dan kebolehpasaran.

Penilaian produk dari aspek impak, dalam kajian ini memberi fokus kepada pencapaian keputusan penilaian berterusan (PB) dan persepsi pelajar terhadap kursus. Hal ini kerana untuk memastikan kerelevanan kursus ini ditawarkan, menarik minat pelajar, memberi penambahan pengetahuan dalam diri pelajar dari sudut pendidikan Islam dan pelajar dapat mengaplikasikan hasil pembelajaran dari kursus ini sebagai panduan dalam kehidupan seharian. Dari aspek keberkesanan pula, meliputi pencapaian berdasarkan objektif kursus. Ini kerana penilaian produk dari aspek keberkesanan bertujuan untuk menilai sesuatu objektif kursus tersebut setelah dilaksanakan tercapai atau sebaliknya. Selain itu, penilaian ini dapat menilai serta mengukur sejauh manakah keberkesanan pengajaran dan pembelajaran terhadap kursus ini. Aspek keberkesanan juga melibatkan penilaian terhadap kompetensi pensyarah iaitu meliputi aspek pengetahuan pedagogi dan pengetahuan pedagogikal kandungan (MPU) Pengajian Islam dalam kalangan pensyarah. Aspek keberkesanan juga turut merujuk kepada pembentukan kefahaman agama dari sudut kefahaman akidah, ibadah dan akhlak

05-4506832 ptbupsi

Manakala penilaian produk dari aspek kemampanan pula merujuk kepada pembentukan penghayatan agama dari sudut amalan penghayatan akidah, ibadah dan akhlak terbentuk atau sebaliknya dalam diri dan diaplikasikan dalam kehidupan pelajar. Ini kerana matlamat falsafah Pendidikan Islam adalah untuk membentuk dan memperkembangkan insan supaya menjadi Muslim yang berilmu, beriman, beramal soleh dan berkeperibadian mulia ke arah melengkapkan diri serta bertanggungjawab

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


sebagai hamba Allah dan Khalifah yang bertakwa (Matlamat Falsafah Pendidikan Islam). Dari aspek kebolehpindahan pula merujuk kepada amalan penghayatan Agama dalam konteks penghayatan akidah, ibadah dan akhlak diaplikasikan dalam kehidupan seharian pelajar tidak kira di mana sahaja berada, amalan-amalan Islam dilaksanakan atas faktor kefahaman dan penghayatan yang jelas.

## 1.8 Kepentingan Kajian

Kekuatan sesuatu kurikulum terletak kepada kepakaran dalam kalangan pakar yang membangunkan kurikulum tersebut sama ada dari kalangan pembina, penggubal kurikulum mahupun dari kalangan pelaksana kurikulum seperti pensyarah. Oleh yang demikian, kajian ini memberi kepentingan secara langsung kepada pelbagai pihak yang berkepentingan sama ada dari dalam Politeknik mahupun pihak luar seperti penyelidik akademik dan sebagainya.

05-4506832 ptbupsi

Hasil dapatan kajian ini akan memberi kepentingan kepada beberapa pihak khususnya kepada Bahagian Pembangunan Kurikulum Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti. Dapatan ini dapat dimanfaatkan dari aspek perancangan aktiviti yang bersesuaian ke arah untuk penambahbaikan serta untuk mencapai objektif kursus. Selain itu, dapatan ini dapat dijadikan petunjuk dalam konteks situasi sebenar pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam di politeknik. Kekurangan pelaksanaan kursus boleh ditambah baik melalui program peningkatan dalam kalangan bahagian kurikulum, pensyarah dan pelajar. Manakala kelebihan pelaksanaan kursus terus diperkasakan serta dijadikan panduan bagi kursus-kursus yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Sehubungan dengan itu, Jabatan Pengajian Am merupakan jabatan yang bertanggungjawab dalam melaksanakan kursus ini hingga ke peringkat pelajar. Oleh itu, diharapkan dapatan ini dapat dijadikan indikator ke arah penambahbaikan dari aspek menentukan kesesuaian pensyarah yang mempunyai kelayakan ikhtisas dan memenuhi kriteria untuk melaksanakan kursus ini di bilik kuliah. Malahan dapatan kajian ini boleh dijadikan sebagai petunjuk dalam meningkatkan pembangunan diri dan kompetensi pensyarah melalui program-program peningkatan kerjaya seperti Hadiah Latihan Persekutuan (HLP).

Di samping itu, hasil dapatan kajian ini dapat menjadi asas untuk meningkatkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di seluruh Politeknik Malaysia melalui perancangan yang tersusun. Antaranya bahagian pembuat dasar kurikulum dapat memberi fokus kepada perancangan pemantapan kurikulum melalui aktiviti-aktiviti peningkatan, bengkel dan kursus yang bersesuaian. Sebagai contoh bahagian pembuat dasar kurikulum dapat bekerja sama dengan bahagian peningkatan kerjaya untuk berkolaborasi menjayakan bengkel, aktiviti, seminar dan kursus peningkatan kompetensi melalui kursus Kepimpinan Instruksional Pembangunan Andragogi (KIPA) mahupun program kenaikan pangkat *Career Path Copetency Matrix* (CPCM).

Selain itu, dapatan ini dapat membantu Bahagian Pembangunan Kurikulum Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPKK) untuk melakukan penambahbaikan terhadap kelemahan yang dikesan untuk meningkatkan lagi kualiti kurikulum dalam kalangan pembina dan pembuat dasar kurikulum. Dapatan ini juga dapat dijadikan ukuran sebenar serta membuat penanda arasan dalam pelan strategik Politeknik yang akan datang dengan memberi fokus dan keutamaan kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menghasilkan kurikulum yang lebih dinamik, berstruktur dan berimpak tinggi selaras dengan kehendak Dasar pendidikan Negara.

## 1.9 Batasan Kajian

Kajian ini memberi fokus kepada pelaksanaan kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) dari kelompok (U3) MPU Pengajian Islam. Oleh itu, kursus-kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum yang lain daripada kelompok (U1), (U2) dan (U4) tidak terlibat dalam kajian ini.

Kajian ini melibatkan 18 buah Politeknik Malaysia daripada 36 buah jumlah keseluruhan Politeknik yang sedang beroperasi di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Kursus (MPU) Pengajian Islam telah ditawarkan kepada seluruh Politeknik Malaysia. Memandangkan kajian ini bersifat *purposive sampling* maka hanya 18 buah Politeknik sahaja dipilih dalam kajian ini mengikut lima zon sebagai mana yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) iaitu zon Utara, Selatan, Tengah, Timur dan Borneo.

Manakala responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada 211 orang pensyarah Jabatan Pengajian Am dan 396 orang pelajar Politeknik meliputi pelbagai bidang. Rasional pemilihan responden daripada pelajar semester tiga dalam kajian ini kerana mereka telah mengambil kursus ini semasa di semester dua pengajian yang lepas. Oleh itu, pelajar semester dua yang sedang mengambil kursus ini dalam pengajian sedang berlangsung tidak terlibat dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Sehubungan dengan itu, aspek penilaian dalam kajian ini memberi fokus kepada penilaian pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam. Kajian pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam ini terbahagi kepada dua bentuk berbentuk iaitu deskriptif dan inferensi dengan menggunakan kaedah tinjauan serta menggunakan Model Penilaian (Stufflebeam, 2007). Aspek kajian yang dijalankan adalah dengan mengambil kira persoalan kajian dan objektif kajian yang telah dibangunkan dalam kajian ini sahaja. Pemilihan aspek kajian ini berdasarkan ketetapan dalam keperluan kerangka konsep (*framework*) dan model kajian yang digunakan dalam kajian ini. Secara keseluruhannya kajian ini melibatkan penilaian pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dari aspek konteks, input, proses dan produk berdasarkan Model Penilaian CIPP (Stufflebeam, 2007).

05-4506 tbupsi

## 1.10 Definisi Operasional Kajian

### 1.10.1 Penilaian

Secara umumnya penilaian adalah penaksiran, pengukuran, pengiraan atau penghitungan (Kamus Dewan, 1998). Penilaian adalah proses yang menentukan sejauh manakah objektif-objektif pendidikan itu disedari (Tyler, 1950). Cronbach (1963); Stufflebeam (1971) dan Alkin (1969) menyatakan penilaian sebagai penyediaan maklumat untuk membuat keputusan. Provus (1971) berpendapat penilaian adalah perbandingan pencapaian kepada piawai-piawai "*standard"* tertentu untuk menentukan sama ada wujud perbezaan atau tidak. Manakala Smith dan Glass (1987) menyatakan penilaian adalah proses untuk menilai berdasarkan bukti tentang sesuatu program atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



hasil. Stufflebeam (1971) merumuskan bahawa "penilaian" sebagai *the process of delineating, obtaining, and providing useful information for judging decision alternatives*. Manakala TenBrink (1974) memberi definisi penilaian sebagai proses untuk memperoleh maklumat, kemudian hasilnya yang akan dijadikan sebagai alat pertimbangan seterusnya dijadikan sebagai keputusan.

Menurut Jamil Ahmad (2002) secara umum penilaian bertujuan untuk memperoleh maklumat atau gambaran umum tentang pelaksanaan sesuatu program atau projek. Maklumat yang diperoleh bermanfaat kepada pembuat dasar atau pembuat keputusan sebagai panduan dalam merancang langkah-langkah penambahbaikan atau tindakan bagi mengatasi masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan sesuatu program atau projek. Manakala dalam konteks kajian ini, penilaian adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam di Politeknik dari aspek konteks, input, proses dan produk.

### 1.10.2 Kurikulum

Pelbagai pengertian kurikulum ditakrifkan oleh penyelidik dalam kajian-kajian lepas. Antaranya Ishak Ramly (2003) mentakrifkan kurikulum sebagai sistem pendidikan yang terancang dan akan menghasilkan produk yang baik. Manakala Tanner dan Tanner (1989) dalam penulisannya menerangkan kurikulum "*The planed and guided learning experience and intended learning"* iaitu kurikulum adalah pengalaman pembelajaran yang dirancang dan dibimbing serta hasil pembelajaran yang dikehendaki.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Manakala dalam Akta Pendidikan 1996 peraturan-peraturan (kurikulum kebangsaan) telah menjelaskan kurikulum kebangsaan “sebagai program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kokurikulum. Program pendidikan ini merujuk kepada pengetahuan, kemahiran, nilai dan norma kebudayaan dan kepercayaan dalam membantu perkembangan murid dari aspek jasmani, rohani, mental dan emosi. Dalam kajian ini, kurikulum yang dimaksudkan adalah selari dengan peraturan-peraturan Akta Pendidikan 1996 iaitu kurikulum politeknik melalui kursus (MPU) Pengajian Islam bagi tujuan untuk melahirkan graduan yang berpengetahuan, berkemahiran khusus dalam (TVET), mempunyai nilai dan norma berpekerti mulia, bertanggungjawab, memiliki akhlak yang baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.10.3 Pelaksanaan Kurikulum

Pelaksanaan kurikulum merupakan elemen yang penting dalam sesebuah perjalanan kurikulum. Tanpa pelaksanaan yang baik boleh menyebabkan isi kandungan kurikulum tidak dapat disampaikan kepada pelajar sebagaimana yang telah dihasratkan dalam Dasar Pendidikan Negara. Menurut Norhayati Fatmi Talib (2014) pelaksanaan kurikulum dalam kajiannya adalah melibatkan aspek sumber, kerelevanan kurikulum, kesediaan pengetahuan pensyarah, keupayaan pensyarah kemudahan, proses pengajaran dan pembelajaran, proses pemantauan, aspek hubungan, hasil pembelajaran dari sudut impak, keberkesanan, kemampanan dan kebolehpasaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Manakala Azizi Jaafar (2015) menyatakan pelaksanaan kurikulum dalam kajiannya merujuk kepada pelaksanaan kurikulum yang diguna pakai di sekolah rendah khususnya di bilik darjah mengikut BPI, SPIM, KPM pada 2003. Pemaksaan kurikulumnya juga merangkumi KPI KBSM yang dilaksanakan di sekolah menengah sejak 1988 lagi. Dalam kajian ini. Pelaksanaan kurikulum berpandukan kepada kerangka konsep "*framework"* Stufflebeam (2007) yang meliputi penilaian konteks, input, proses dan produk. Bermula dengan penilaian konteks penyelidik mengenal pasti kerelevanan kursus (MPU) Pengajian Islam dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam.

Kerelevanan ini penting agar pelaksanaan kursus yang dijalankan memenuhi keperluan Dasar Pendidikan Negara. Dari aspek input pula pelaksanaan kursus di nilai berdasarkan kompetensi pensyarah yang meliputi tahap pengetahuan asas pendidikan, tahap pengetahuan kursus (MPU) Pengajian Islam dan kelayakan ikhtisas. Selain itu, penilaian pelaksanaan juga turut melibatkan modul (MPU) Pengajian Islam sebagai bahan pengajaran dan infrastruktur yang disediakan dalam memastikan kelancaran terhadap pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam ini dijalankan.

Dari aspek proses pula melibatkan amalan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM). Selain itu, aspek proses melibatkan pemantauan proses pengajaran dan pembelajaran dan pemantauan dokumen kursus (MPU) Pengajian Islam. Ini bertujuan untuk memastikan pelaksanaan kurikulum ini berjalan seperti yang telah ditetapkan. Pentaksiran kursus pula untuk memastikan penilaian berterusan dijalankan mengikut ketetapan sukatan pelajaran dan memenuhi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



kriteria yang telah ditetapkan oleh bahagian kualiti kurikulum politeknik, MQA, SIRIM dan pengauditan EOMS.

Manakala aspek produk dalam pelaksanaan kurikulum pula terbahagi kepada impak, keberkesanan, kemampanan dan kebolehpindahan. Impak merujuk kepada pencapaian terhadap keputusan penilaian berterusan (PB) dilaksanakan. Selain itu, dalam kajian ini impak turut merujuk kepada penilaian pelaksanaan kurikulum dari aspek persepsi pelajar terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam dijalankan. Di samping itu, aspek keberkesanan merujuk kepada pencapaian berdasarkan objektif yang ditetapkan dalam kursus (MPU) Pengajian Islam. Sesuatu program dianggap berkesan apabila objektif program tercapai seperti yang telah ditetapkan.

Dalam kajian ini, aspek keberkesanan turut merujuk kepada tahap pengetahuan terhadap pedagogi dan pengetahuan pedagogikal kandungan "*Pedagogical Content Knowledge"*. Tahap pengetahuan terhadap kursus yang diajarkan amat penting dalam pengajaran kerana untuk memastikan proses pengajaran tercapai mengikut isi kandungan kursus. Aspek kemampanan dalam pelaksanaan kurikulum pula merujuk kepada pembentukan kefahaman agama meliputi akidah, ibadah dan akhlak dalam diri pelajar. Manakala aspek kebolehpindahan merujuk kepada amalan penghayatan agama meliputi penghayatan akidah, ibadah dan akhlak yang diaplikasikan dalam kehidupan seharian pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 1.10.4 Kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU)

Kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) adalah hasil semakan semula kursus Mata Pelajaran Wajib (MPW) di seluruh IPT dalam negara oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. Maka, kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) diperkenalkan berasaskan cabang falsafah ilmu yang melibatkan pelbagai bidang keilmuan seperti kajian kemanusiaan, sains tulen dan sains sosial (KPT, 2016).

Terdapat lima tujuan utama kursus MPU diperkenalkan, antaranya adalah untuk menyelaras Mata Pelajaran wajib kepada Mata Pelajaran umum di seluruh IPT. Kursus ini juga bertujuan untuk membina Negara Bangsa, memperluas kemahiran Insaniah, mengukuh dan memperluas pengetahuan berkaitan Malaysia, Mengaplikasikan Kemahiran Insaniah dalam diri pelajar. Berdasarkan tujuan ini, maka kursus MPU terbahagi kepada empat kelompok iaitu (U1) bertujuan untuk membentuk dan memupuk pelajar berkaitan pengetahuan dan penghayatan terhadap sejarah Malaysia dan nilai-nilai murni, (U2) memupuk penguasaan kemahiran Insaniah, (U3) untuk melahirkan pelajar yang mempunyai penguasaan dalam peluasan ilmu yang beracuankan Malaysia dan (U4) melahirkan pelajar yang mempunyai kemahiran pengurusan masyarakat bersifat praktikal seperti khidmat masyarakat dan kokurikulum (KPT, 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Oleh yang demikian, dalam kajian ini penilaian kursus MPU terhad kepada kelompok (U3) sahaja. Di bawah kelompok (U3) terdapat kursus (MPU) Pengajian Islam yang ditawarkan kepada pelajar Politeknik Malaysia. Kursus ((MPU) Pengajian Islam ini meliputi objektif, hasil pembelajaran, pengagihan jam pembelajaran pelajar *"Student Learning Time"* (SLT) dan penilaian berterusan yang setara dan sama.

### 1.10.5 Politeknik Malaysia

Pendidikan Politeknik diperkenalkan di Malaysia melalui Pelan Colombo pada tahun 1969. Pendidikan Politeknik dimantapkan lagi dengan sokongan dari Jawatankuasa Kabinet mengenai Pelaksanaan Pendidikan (1979) dan Pelan Perindustrian Utama (1985-1995). Pendidikan di Politeknik adalah untuk menghasilkan tenaga kerja separa professional dalam bidang kejuruteraan dan perdagangan bagi menampung keperluan sektor awam dan swasta di Malaysia (Alias Mat Saad, 2010). Dalam kajian ini, sebanyak 16 buah Politeknik yang terlibat dari zon utara, timur, tengah dan selatan semenanjung Malaysia. Manakala dua buah Politeknik dari zon Borneo iaitu masing-masing satu dari Sabah dan Sarawak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



**1.10.6 Kompetensi**

Kompetensi adalah salah satu elemen pengetahuan, kemahiran dan keperibadian dengan ciri-ciri yang baik perlu dimiliki pada seseorang dalam melaksanakan amanah (Mohammed Sani Ibrahim et al., 2015). O'Flaherty (2018) menyatakan antara elemen kompetensi yang perlu ada pada seseorang guru adalah kecekapan pengetahuan. Selain itu, seseorang guru perlu mempunyai kemahiran dan sikap yang baik untuk memudahkan sesi pengajaran disampaikan secara efektif. Manakala menurut Daud Ibrahim (2003) menyatakan bahawa kompetensi adalah "*competence, proficiency, skillful and skill"*. Kompetensi diertikan sebagai aspek pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu ada serta diamalkan ketika melaksanakan tanggungjawab sesuatu pekerjaan.

05-4506 tbupsi

Dalam kajian ini, kompetensi merujuk kepada pengetahuan asas pendidikan yang meliputi pengetahuan terhadap model-model pengajaran, pengetahuan terhadap teori-teori pengajaran dan pembelajaran, falsafah pendidikan dan kluster-kluster yang terdapat dalam kursus (MPU) Pengajian Islam. Selain itu, kompetensi juga merujuk kepada penguasaan pengetahuan pensyarah terhadap pengetahuan terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam secara komprehensif seperti menguasai kursus (MPU) Pengajian Islam, memahami matlamat kursus (MPU) Pengajian Islam, memahami sukatan pelajaran kursus (MPU) Pengajian Islam, memahami skema pemarkahan pentaksiran kursus (MPU) Pengajian Islam, mengetahui " *Course Learning Outcome"* (CLO) kursus (MPU) Pengajian Islam, mengetahui " *Programe Learning Outcome"* (PLO) kursus (MPU) Pengajian Islam, mengetahui *" Student Study Guide* (SSG)" dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pengetahuan terhadap penyediaan rancangan mengajar semester (RMS) mengikut panduan yang ditetapkan.

### 1.10.7 Pedagogi

Menurut Sharifah Alwiyah Alsagoff (1988) menyatakan pedagogi ialah ilmu yang menerangkan tentang kaedah pengajaran. Selain itu, pedagogi merujuk kepada pengetahuan mengajar, menguruskan kelas menggunakan mod pembelajaran dan kaedah pengajaran yang sesuai dan teknologi pengajaran yang sesuai (Standard Kompetensi Guru Malaysia, 2012). Dalam kajian ini, pedagogi merujuk kepada pengetahuan pedagogi iaitu meliputi kemahiran kawalan kelas, pengetahuan dalam mewujudkan kesediaan pelajar untuk belajar, pendekatan pengajaran, pengetahuan terhadap aktiviti yang bersesuaian, kaedah pembelajaran, kaedah penilaian dan kaedah menyampaikan isi kandungan kursus dengan berkesan.

### 1.10.8 Pengetahuan Pedagogikal Kandungan "*Pedagogical Content Knowledge*"

Menurut Helen et al. (2006; dalam Ahmad Yunus Kasim & Ab. Halim Tamuri, 20120) pengetahuan pedagogikal kandungan (PPK) adalah melibatkan strategi pengajaran, pengetahuan tentang cara murid berfikir dan penjelasan terhadap prosedur pengetahuan dan kaedah penyelesaian masalah pengajaran. Manakala Ahmad Yunus Kasim dan Ab. Halim Tamuri (2010) menyatakan dalam konteks pendidikan Islam pengajaran guru perlu diselaraskan dengan kemampuan murid untuk mengelakkan berlakunya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



kebosanan, kekeliruan dan tidak disalahertikan. Pengetahuan isi kandungan (*maddah ilmiyyah)* mesti berkualiti, tepat (*al-islah)* dan bermanfaat kepada murid (al-Qaradhawi, 2000).

Dalam kajian ini, pengetahuan pedagogikal kandungan "*Pedagogical Content Knowledge*", merujuk kepada beberapa aspek penguasaan. Antaranya penguasaan topik-topik yang terkandung dalam isi kandungan (MPU) Pengajian Islam. Penguasaan isi kandungan (MPU) Pengajian Islam meliputi aspek penyampaian topik seperti aspek amalan Islam dalam kehidupan seharian, kemampuan menerangkan etika dan profesionalisme berkaitan Syariah dan Institusi Islam dalam membentuk pembangunan ummah, kemampuan menerangkan etika dan profesionalisme dan kejuruteraan dalam Islam, kemampuan menerangkan etika dan profesionalisme berkaitan konsep pengurusan Islam dalam membentuk pembangunan ummah.

### 1.10.9 Infrastruktur

Infrastruktur menurut Azizi Jaafar (2015) ialah kemudahan asas pengajaran dan pembelajaran yang disediakan bagi tujuan melicinkan pelaksanaan sesuatu kursus yang dijalankan. Manakala Alias Mat Saad (2010) menyatakan prasarana fizikal merujuk kepada kemudahan asas seperti bilik untuk pengajaran, bahan rujukan serta alat bantu mengajar untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran. Dalam kajian ini, infrastruktur meliputi bilik kuliah, perpustakaan dan peralatan (ICT) yang disediakan untuk pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran kursus (MPU) Pengajian Islam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 1.10.10 Pengajaran dan Pembelajaran

Proses pengajaran dan pembelajaran merupakan elemen penting dalam menyampaikan isi kandungan kurikulum. Proses ini melibatkan interaksi dua pihak di antara pelajar dan pensyarah (Norhayati Fatmi Talib, 2014). Menurut Mok (2009) pengajaran merupakan suatu tugasan dan aktiviti yang diusahakan bersama pelajar dan pengajar. Manakala pembelajaran pula merupakan perubahan tingkah laku yang kekal dan stabil disebabkan oleh pengalaman atau latihan yang diteguhkan (James, 1995). Dalam kajian ini, pengajaran dan pembelajaran melibatkan aspek proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang meliputi proses pelaksanaan amalan pengajaran, proses pelaksanaan amalan pembelajaran, proses penggunaan bahan bantu mengajar (BBM), pemantauan proses pengajaran dan pembelajaran, pemantauan dokumen kursus dan proses pentaksiran penilaian berterusan (PB).

### 1.10.11 Pemantauan P&P

Pemantauan yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah aktiviti pencerapan yang dilaksanakan oleh ketua kursus Pendidikan Islam dan Ketua Jabatan ketika menyelia atau mencerap pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam yang dilaksanakan oleh pensyarah sekurang-kurangnya 2 kali setahun bersamaan setiap satu semester sekali pencerapan. Dalam konteks pemantauan pensyarah akan diberikan bimbingan dan tunjuk ajar berdasarkan hasil pemantauan. Antara tujuan pemantauan adalah untuk memastikan hasil pelajaran dapat di sampaikan dengan baik dan teratur seperti yang telah ditetapkan dalam sukatan pelajaran. Pemantauan ini juga turut melibatkan dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kalangan pelajar iaitu, pelajar turut diberikan borang penilaian untuk menilai sesi pengajaran yang dilaksanakan oleh pensyarah. Hasil dari pencerapan akan dimaklumkan oleh ketua kursus atau ketua jabatan kepada pensyarah untuk ditambah baik dari masa ke semasa.

### 1.10.12 Pemantauan Dokumen Kursus

Pemantauan dokumen kursus bermaksud dokumen rasmi yang melibatkan sesi pengajaran dan pembelajaran. Antara dokumen rasmi yang di pantau adalah fail rekod pensyarah yang terdiri daripada rancangan mengajar semester (RMS), borang ketidakhadiran pelajar, sampel tugasan yang di hantar oleh pelajar, borang markah penilaian berterusan dan *Student Study Guide* (SSG) atau *course outline*. Tujuan penilaian ini adalah untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran disampaikan dengan teratur mengikut rancangan mengajar yang telah ditetapkan. Selain itu, pemantauan dokumen ini bertujuan untuk memastikan pelaksanaan pengajaran mematuhi keperluan MQA dan SIRIM. Dokumen kursus merupakan dokumen rasmi pembuktian aktiviti pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dengan memenuhi kehendak keperluan kurikulum.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 1.10.13 Pentaksiran Kursus

Pentaksiran kursus adalah penilaian berterusan yang dilaksanakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bermula minggu pertama hingga akhir semester. Penilaian berterusan meliputi penilaian amali solat, e-folio, pembentangan dan projek. Keseluruhan penilaian ini bermula di awal semester mengikut ketetapan yang ditetapkan dalam *course outline* kursus (MPU) Pengajian Islam. Di dalam kursus (MPU) Pengajian Islam pentaksiran kursus dilaksanakan secara sepenuhnya dalam penilaian berterusan tanpa melibatkan sebarang kertas peperiksaan atau peperiksaan akhir. Pelajar dinilai sepenuhnya dalam penilaian berterusan yang meliputi aspek penilaian amali solat, e-folio, pembentangan dan projek.

05-4506 tbupsi

### 1.10.14 Impak

Aspek impak dalam kajian ini ialah terdiri daripada elemen keputusan penilaian berterusan (PB) dan persepsi pelajar terhadap kursus MPU. Keputusan penilaian berterusan (PB) hasil daripada proses pentaksiran yang dilaksanakan meliputi penilaian tunjuk cara 20%, pembentangan 20%, e-folio 30% dan tugasan berasaskan masalah (PBT) atau projek 30%. Keseluruhan pentaksiran dalam aspek penilaian berterusan adalah 100% tanpa sebarang peperiksaan untuk menentukan gred pencapaian tertinggi (A) hingga gred paling rendah. Manakala elemen persepsi pelajar terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam meliputi minat terhadap kursus, penawaran kursus, pengetahuan asas dalam pendidikan Islam, tanggungjawab terhadap kursus, manfaat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kursus dalam kehidupan pelajar dan pelaksanaan amalan-amalan Islam dalam kehidupan seharian setelah mempelajari kursus (MPU) Pengajian Islam.

### 1.10.15 Keberkesanan

Menurut Kamus Dewan (1994) keberkesanan adalah pengaruh pada pemikiran, sikap atau tingkah laku. Dalam kajian ini keberkesanan merujuk kepada dimensi produk yang terkandung dalam model CIPP. Sehubungan dengan itu, keberkesanan merupakan ukuran penting untuk menilai sesuatu program yang telah dijalankan. Perincian kepada keberkesanan dalam kajian ini adalah untuk menilai pelaksanaan pengajaran yang terdiri daripada pencapaian objektif kursus. Pencapaian objektif kursus bertujuan untuk memastikan aspek penerangan isi kandungan objektif kursus disampaikan dengan baik sebagai mana yang dihasratkan dalam sukatan pelajaran. Selain itu, keberkesanan juga merujuk kepada penguasaan pedagogi dan pengetahuan pedagogi kandungan kursus (MPU) Pengajian Islam.

### 1.10.16 Kemampanan

Aspek kemampanan dalam kajian ini merujuk kepada pembentukan kefahaman dan penghayatan agama dalam kalangan pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



***Penghayatan agama:*** Menurut Azma Mahmood (2006), penghayatan agama diertikan sebagai gaya hidup beragama atau kehidupan beragama. Pengertian kehidupan beragama ini merujuk kepada agama di barat. Manakala menurut Al-Nahlawi (2002) kehidupan beragama dalam konteks Islam merujuk kepada Islam sebagai cara hidup (*ways of life)* iaitu agama Islam sebagai Addin. Barat pula memberi pentakrifan kepada penghayatan agama dengan maksud *religiositi* iaitu kepatuhan kepada sesuatu agama (Bloodgood et al., 2008). Dalam kajian ini penghayatan agama merujuk kepada kefahaman dan penghayatan terhadap akidah, ibadah dan akhlak.

Sehubungan dengan itu, penilaian pelaksanaan kursus kursus (MPU) Pengajian Islam dalam kajian ini menguji beberapa sub konstruk iaitu kompetensi pensyarah, modul (MPU) Pengajian Islam, *Student Learning Time* (SLT) dan kesediaan infrastruktur terhadap pembentukan kefahaman dan penghayatan agama dari aspek kefahaman dan penghayatan akidah, ibadah dan akhlak dalam kalangan pelajar. Aspek kefahaman dan penghayatan agama ini berdasarkan objektif kursus iaitu pelaksanaan amalan Islam dalam kehidupan seharian dapat dilaksanakan berasaskan dari kefahaman dan penghayatan agama.

### 1.10.17 Kebolehpindahan

Aspek kebolehpindahan dalam kajian ini merujuk kepada amalan penghayatan agama dari konteks amalan yang melibatkan akidah seperti cara berfikir tentang ciptaan Allah S.W.T, meyakini bahawa tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Allah, meyakini setiap amalan dalam kehidupan dicatat oleh malaikat *Raqib* dan *Atid* serta meyakini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



bahawa manusia akan melalui proses hari kiamat dapat diaplikasikan dalam kehidupan pelajar. Selain itu, amalan penghayatan agama juga melibatkan amalan berkaitan perkara ibadah seperti kewajipan mengerjakan solat lima waktu setiap hari, melafazkan syahadah sekurang-kurangnya lima kali sehari, menunaikan solat dalam keadaan bersih dari hadas besar dan kecil, memelihara ucapan lidah dengan perkataan yang berfaedah, berpuasa di bulan Ramadhan, membaca al-Quran, mengeluarkan zakat dan mengerjakan haji bagi yang berkemampuan dan mencukupi syarat, dapat diaplikasikan dalam kehidupan pelajar.

Manakala amalan penghayatan agama dari konteks akhlak seperti memilih rakan-rakan yang taat kepada agama sebagai teman, menjaga batasan aurat dalam berpakaian, sentiasa bersangka baik dalam pergaulan, mendahului dalam memberi salam, mematuhi nasihat ibu bapa dan sentiasa bersiap sedia dalam menghulurkan bantuan kepada pihak yang memerlukan dapat di diaplikasikan dalam kehidupan seharian.

## 1.11 Penutup

Secara kesimpulannya, tujuan kajian ini adalah untuk menilai pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam di Politeknik Malaysia berdasarkan beberapa elemen yang menjadi asas dalam kajian. Antaranya adalah latar belakang kajian dan pernyataan masalah yang menjadi tunjang kepada permulaan kajian dilaksanakan. Selain itu, penyelidik juga telah menyatakan objektif kajian, persoalan kajian dan hipotesis kajian sebagai proses pelaksanaan kajian. Untuk penjelasan yang lebih baik, maka penyelidik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


juga telah memperincikan definisi operasional kajian mengikut pandangan pakar serta penyelidik sendiri. Dalam kajian ini, penyelidik telah menjadikan model CIPP Stufflebeam (2007) sebagai asas kajian. Seterusnya penyelidik merangka kerangka konseptual kajian sebagai panduan untuk digunakan dalam kajian ini. Oleh itu, diharapkan kajian ini dapat memenuhi keperluan dasar pendidikan Negara serta menjadikan kursus kursus (MPU) Pengajian Islam ini sentiasa relevan dari masa ke semasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi